

12/01/2003

Negeri perlu seragam undang-undang Islam

SHAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam meminta semua pihak termasuk kerajaan negeri memberi perhatian serius dalam usaha menyeragamkan undang-undang Islam agar wujud keharmonian ummah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu memandangkan umat Islam di negara ini mengamalkan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah mengikut mazhab Imam Shafie dan wajar diletak di bawah hukum yang sama.

Beliau berkata, keseragaman undang-undang Islam sebenarnya sudah ditetapkan awal-awal lagi oleh ulama terdahulu bagi mewujudkan keharmonian

dan mengelakkan kekeliruan mengenai hukum.

"Saya memahami undang-undang berkaitan agama Islam ini adalah undang-undang yang digubal pada peringkat negeri dan menjadi tanggungjawab pihak kerajaan negeri.

"Tetapi demi keseragaman, sebab negara kita ini pun bukannya besar sangat, eloklah jika sekiranya kita berusaha seboleh-bolehnya supaya kita pakai peraturan dan undang-undang sama.

"Dalam hal agama ini kita mahu supaya rakyat dapat memahami bahawa hal berkaitan amalan tertentu itu kita mempunyai hukum yang sama," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan serentak sembilan Institut Latihan Jabatan Tenaga Rakyat di Pusat Latihan Teknologi Tinggi Shah Alam semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai gesaan supaya undang-undang keluarga Islam di semua negeri diseragamkan berikutan timbulnya polemik isu poligami apabila Perlis melonggarkan peraturan mengenainya.

Rabu lalu, Perdana Menteri, menasihatkan semua pihak supaya tidak memperbesarkan isu poligami sehingga kerajaan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pakar dalam bidang agama dan perundangan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perbincangan dengan pakar berkenaan penting sebelum sebarang kenyataan susulan dibuat mengenai perkara itu.

Ditanya apakah kerajaan akan memberi perhatian kepada perkara itu, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata ia adalah sesuatu yang perlu dilakukan.

Beliau berkata, pandangan Menteri Pembangunan dan Keluarga Wanita, Datuk

Seri Shahrizat Abdul Jalil, serta pemimpin lain berhubung isu itu perlu diberi perhatian serius walaupun ada penyeragaman di antara negeri dalam banyak perkara lain.

"Saya tidak mengatakan bahawa semuanya tidak seragam, tentu ada persamaan dalam banyak hal lain. Tetapi dalam isu yang dibincangkan ini, kita perlu lihat sekali lagi," katanya.